



INTERNATIONAL CONFERENCE ON HUMANITIES, EDUCATION AND SOCIETY (ICHES 2018)



21 - 22 JULY 2018

**DOUBLETREE BY HILTON, JOHOR BHARU,
MALAYSIA**

ISBN: 978-967-15597-2-1

PUBLISHED BY:



**INTERNATIONAL CONFERENCE ON HUMANITIES,
EDUCATION AND SOCIETY (ICHES 2018)**

Copyright © 2018

Edusage Network (KT0415635-M)

All rights reserved. No part of this proceeding may be reproduced or transmitted in any form or by any process without the prior written permission of the publisher, except for the inclusion of brief quotations for a review.

eISBN 978-967-15597-2-7



9 789671 559727

TABLE OF CONTENTS

UTILIZING THE SECOND AND THIRD GENERATION SKILLS OF THE INTERNET BY TRAINING SPECIALISTS OF EDUCATIONAL RESOURCE CENTRES IN SAUDI ARABIA	1
CYBER LAW AND THE CHALLENGES IN THE REPUBLIC OF MALDIVES	15
POTENTIAL ANALYSIS OF ENGLISH EDUCATION STUDIES PROGRAM OF TEACHER TRAINING AND EDUCATION FACULTY OF UNIVERSITAS BATANGHARI WITH SWOT APPROACH: ACCREDITATION FORM OF BACHELOR OF PS-PBI FKIP UNBARI YEAR 2016.....	22
ANALYSIS OF CAREER COUNSELING MENTORING POLICY AT HIGHER EDUCATION LEVEL.....	33
THE IMAGE OF WOMEN IN THE POETRY OF MAHMOUD DARWISH	44
EVALUATING SCHOOL SUPPORT PLAN: A PROPOSED CONCEPTUAL FRAMEWORK USING DISCREPANCY EVALUATION MODEL	53
A MATH TEACHER’S PLIGHT ON CONSTRUCTING INSTRUCTIONAL MATERIALS: A CASE STUDY	62
EFFICACY OF USER SURVEYS IN DESIGNING A UNIVERSITY WEBSITE - A CASE STUDY	74
DETERMINING JOB SATISFACTION FACTORS OF CAREER-SWITCHERS AND MOTIVATION TO STAY IN THE TEACHING PROFESSION.....	86
ENHANCING QUR’ANIC EDUCATION AMONG CHILDREN: AN ANALYSIS OF AL-QABISY’S BOOK.....	101
THE PHILOSOPHY OF REGIONAL RELATIONS (UMMAH) BETWEEN MALAYSIA AND INDONESIA THROUGH MEDICAL TOURISM	115
TIT EXPLORING HALAL FOOD PREFERENCES ACROSS AGE AND GENDER	120

INVESTIGATION ON THE EFFECTS OF PROFESSIONAL LEARNING COMMUNITY FOR TEACHERS' MPCK	126
PERCEPTION OF POLISAS ESL LEARNERS BASED ON THEIR ENGLISH USE FOR DAILY COMMUNICATION	135
BRAND EVANGELISM AMONG UNIVERSITY STUDENTS: A STUDY ON ANTECEDENTS	149
THE RELATIONSHIP BETWEEN PERSONALITY TRAITS AND MARITAL SATISFACTION ON QUALITY OF MARRIAGE AMONG MARRIED COUPLES IN SELANGOR	159
COMPUTER ANXIETY OF THE DIGITAL TECHNOLOGIES ACCEPTANCE IN SAUDI ARABIA	169
PERANAN IBUBAPA TERHADAP PEMUPUKAN AMALAN AKTIVITI SENAMAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK	190
KOKURIKULUM SEBAGAI PERANTARA ANTARA KESEDARAN KENDIRI DAN SAHSIAH PELAJAR	204
KEPUASAN HIDUP DAN EKSPRESI POSITIF KENDIRI KANAK-KANAK DI RUMAH PENEMPATAN ANAK-ANAK YATIM	213
PERSEPSI TERHADAP RISIKO DAN KECENDERUNGAN PENGAMBILAN RISIKO DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK AKTIF PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN	221
KECENDERUNGAN MENGHAFAZ AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR POLISAS	234

PERSEPSI TERHADAP RISIKO DAN KECENDERUNGAN PENGAMBILAN RISIKO DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK AKTIF PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN

Nur Sa'adah Mohd Hisam¹ Norasmah Othman²

^{1,2}Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 43600, Selangor

Abstrak: *Graduan merupakan penjana ekonomi yang dapat mengatasi masalah kadar pengangguran di Malaysia melalui penglibatan mereka sebagai usahawan. Walau bagaimanapun, Kajian Pengesanan Graduan menunjukkan kecenderungan graduan menyertai bidang keusahawanan seurus tamat pengajian yang kurang memuaskan. Kajian-kajian terkini ralat mengaitkan tahap persepsi terhadap risiko yang wujud dalam perniagaan dan kecenderungan dalam pengambilan risiko dalam peningkatan niat keusahawanan. Melihat dari konteks pendidikan keusahawanan di Politeknik Malaysia, kajian kuantitatif ini mengkaji perbandingan tahap persepsi pelajar terhadap risiko perniagaan serta tahap kecenderungan mereka dalam pengambilan risiko berdasarkan keterlibatan pelajar dalam kursus keusahawanan. Seramai 382 responden dipilih secara rawak di kalangan pelajar Diploma Politeknik Malaysia untuk menjawab soal selidik yang diadaptasi dan diubahsuai daripada Norashikin et al. (2016) dan Meertens & Lion (2008), tetapi hanya 317 maklum balas yang boleh digunapakai untuk dianalisis. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan ujian t bagi sampel tidak bersandar untuk menjawab persoalan kajian. Hasil analisis menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam persepsi terhadap risiko dan kecenderungan dalam pengambilan risiko antara kumpulan pelajar yang aktif menyertai pendidikan keusahawanan dengan kumpulan pelajar yang tidak pernah menyertai kursus keusahawanan. Dapatan kajian ini sekaligus memperlihatkan bahawa pendidikan keusahawanan tidak dapat mengubah persepsi pelajar terhadap risiko perniagaan serta meningkatkan kecenderungan pelajar untuk mengambil risiko dalam perniagaan. Penemuan ini memberikan implikasi untuk penyelidikan lanjutan untuk membincangkan secara mendalam mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi penemuan kajian.*

Kata Kunci: *Pendidikan Keusahawanan, Persepsi Terhadap Risiko, Kecenderungan Pengambilan Risiko.*

Pengenalan

Mahasiswa adalah pencetus kemajuan ekonomi negara pada masa hadapan terutamanya dalam bidang perniagaan. Dalam keadaan ekonomi yang meruncing kini, kerajaan mula giat memperkenalkan pelbagai langkah dan alternatif untuk melahirkan generasi usahawan. Hal ini kerana, usahawan dilihat bukan sekadar membuka sebuah perniagaan tetapi ia juga mencipta peluang pekerjaan yang menyumbang kepada pendedahan ilmu, idea dan teknologi baharu (Iskandarini, 2013; Jenny, 2013). Selain itu, bidang keusahawanan juga telah dilihat sebagai langkah untuk mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia. Hal ini selaras dengan cabaran Malaysia sebagai negara yang sedang membangun menjadi sebuah negara maju, berdaya saing

dan teguh menjelang 2020. Sehubungan itu, pelbagai dasar diperkenalkan dan banyak usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menyahut cabaran tersebut.

Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah dilancarkan pada 13 April 2010 selaras dengan keusahawanan yang dijadikan sebagai Agenda Kritikal terbaharu. Enam teras strategik yang digariskan di bawah Dasar ini adalah menubuhkan pusat keusahawanan di setiap IPT, menyediakan pendidikan dan program keusahawanan yang terancang dan holistik, memantapkan program pembangunan dan pengukuhan keusahawanan, mewujudkan mekanisme pengukuran yang berkesan, menyediakan persekitaran dan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan keusahawanan dan mengukuhkan kompetensi tenaga pengajar keusahawanan. Melalui Dasar ini, usaha dan inisiatif untuk menerapkan nilai dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar IPT yang melibatkan pelajar universiti awam, politeknik dan kolej komuniti boleh dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu komponen kesedaran, pembudayaan dan pengukuhan.

Komponen Kesedaran Keusahawanan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pelajar IPT tentang kepentingan keusahawanan dan nilai keusahawanan bermula pada tahap awal pelajar berada di IPT. Di peringkat politeknik, Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) telah mewajibkan pengambilan kursus keusahawanan dalam struktur pengajian pelajar diploma politeknik sebagai langkah menyediakan pendidikan dan program keusahawanan yang terancang dan holistik. Sementara, Komponen Pembudayaan Keusahawanan pula dilaksanakan melalui aktiviti bengkel, seminar, lawatan dan pertandingan yang berkaitan dengan keusahawanan bagi membudayakan seramai mungkin pelajar dalam bidang keusahawanan. Manakala, komponen Pengukuhan Keusahawanan yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang dunia sebenar perniagaan di samping membantu mereka yang benar-benar berminat untuk menceburi bidang perniagaan sebagai kerjaya pula dilaksanakan dengan menggiatkan inkubator keusahawanan.

KPT juga telah menggariskan 15 strategi utama yang perlu dilaksanakan oleh IPT melalui Pelan Strategik Keusahawanan IPT yang telah dilancarkan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Pelan ini adalah penambahbaikan yang komprehensif dan pragmatik kepada enam teras Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT. Antara strategi utama dalam Pelan ini adalah memperkasa dan memantapkan fungsi pusat keusahawanan. Sehubungan dengan itu, KPT telah menubuhkan *Malaysian Polytechnics Entrepreneurship Centre* (MPEC) atau Pusat Keusahawanan Politeknik Malaysia untuk menentukan dasar dan hala tuju pembangunan pendidikan keusahawanan di politeknik pada 30 Oktober 2011 (Mohd Zaini, 2015). Merujuk kepada No. Ruj.: KPT.JPP(0).603-1/12/1(27), Unit Keusahawanan di politeknik juga telah distruktur semula dan dikehendaki untuk menubuhkan Pusat Keusahawanan selari dengan kehendak Jabatan Pendidikan Politeknik. Pusat Keusahawanan ini menjadi platform awal untuk pelajar yang berminat menceburi bidang keusahawanan untuk mempelajari dan mendapat pengalaman menjadi usahawan sebelum mereka memasuki alam perniagaan sebenar. Melalui Pusat Keusahawanan ini juga pelajar dapat mempraktikkan ilmu yang telah diperoleh melalui kursus keusahawanan di politeknik (Mohd Zaini, 2015; Norliza, 2015).

Cabaran Pendidikan Keusahawanan di Politeknik

Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) di bawah KPT telah menetapkan hala tuju Transformasi Politeknik Fasa Pertama pada tahun 2009. Antara hasil yang ingin dicapai ialah

melahirkan graduan yang berdaya keusahawanan yang tinggi. Transformasi ini meletakkan satu tanggungjawab besar bagi politeknik untuk melahirkan penjana pekerjaan berbanding pencari pekerjaan. Namun, kajian-kajian Mazura (2014) dan Norfadhilah & Norasmah (2012) melaporkan bahawa peratusan pelajar atau graduan Politeknik yang terlibat dalam bidang keusahawanan masih di tahap rendah. Justeru, timbul pertanyaan yang sering diutarakan, kenapa perkara ini berlaku? Adakah modul Keusahawanan yang ditawarkan di Politeknik masih lagi kurang efektif seperti mana yang dinyatakan oleh Norfadhilah & Norasmah (2012) atau pun pengajaran dan pembelajaran yang digunakan tidak sesuai (Mazura 2014) atau ada faktor-faktor lain yang mengugut pencapaian prestasi ini. Untuk itu, satu kajian dilaksanakan untuk mengenal pasti faktor-faktor lain yang mungkin wujud dalam kalangan pelajar atau graduan Politeknik. Kemungkinan permasalahan bukan disebabkan oleh modul keusahawanan yang ditawarkan atau kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan tetapi wujudnya faktor lain yang mempengaruhi keterlibatan pelajar atau graduan dalam bidang keusahawanan.

Antara faktor yang sering dikaji dalam kajian-kajian terkini adalah berkaitan kesediaan para pelajar berdepan dengan risiko. Hal ini kerana kesediaan atau kecenderungan dalam pengambilan risiko memainkan peranan penting dalam bidang keusahawanan (Densberger, 2014; Kessler et al., 2012; Sangeeta, 2014; Yurtkoru et al., 2014; Zhao et al., 2005). Malah menurut Bell et al. (2004), Irwan et al. (2015), Sodri & Ahmad Shafee (2006) dan Thong Pui Yee (2014), usahawan sentiasa dilihat sebagai seorang pengambil risiko. Untuk itu, satu kajian perlu dijalankan untuk mengukur tahap persepsi dan kecenderungan pelajar terhadap pengambilan risiko. Adakah mereka memilikinya atau tidak?

Metod Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif. Populasi kajian adalah pelajar Diploma di 36 buah Politeknik Malaysia yang berjumlah seramai 94,642 orang (KPT, 2015). Berdasarkan jadual Krejcie & Morgan (1970), seramai 382 orang pelajar telah dilibatkan dalam kajian ini (sampel) untuk menjawab borang soal selidik. Namun, hanya 317 maklum balas soal selidik sahaja yang boleh digunakan untuk dianalisis (82.98%). Kadar maklum balas ini adalah mencukupi bagi kajian yang berbentuk pendidikan (Ficham, 2008).

Soal selidik yang diedarkan terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian A (5 item) mengumpul maklumat demografi sampel sementara Bahagian B pula, mengukur tahap persepsi pelajar mengenai risiko yang wujud dalam bidang keusahawanan (25 item). Konstruk risiko yang diukur terbahagi kepada empat iaitu risiko kewangan (5 item), risiko operasi (9 item), risiko undang-undang (6 item) dan risiko strategik (5 item). Kesemua item ini diadaptasi dan diubahsuai daripada Norashikin et al. (2016) menggunakan pengukuran skala Likert 5 mata bagi item 1 - 6 (1 - sangat tidak setuju hingga 5 - sangat setuju). Bahagian C (7 item) pula mengukur konstruk kecenderungan dalam pengambilan risiko yang telah diadaptasi dan diubahsuai daripada Skala Kecenderungan Risiko Meertens & Lion (2008). Ubahsuai ini dilakukan kerana kecenderungan terhadap pengambilan risiko adalah berbeza mengikut situasi, kekerapan dan kesan akibat risiko tersebut (Nurul Shahnaz & Aundrey, 2015). Konstruk ini diukur menggunakan pengukuran skala Likert 5 mata bagi item 1 - 6 (1 - sangat tidak setuju hingga 5 - sangat setuju). Manakala, item 7 menggunakan skala likert 5 mata namun indikatornya berbeza iaitu 1 - pengelak risiko hingga 5 - pengambil risiko. Untuk menganalisa tahap kecenderungan dalam pengambilan risiko, item 4 telah diterbalikkan skor skalanya untuk

pengiraan min. Nilai min diinterpretasikan berdasarkan Ahzilah et al. (2017) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi nilai min Ahzilah et al. (2017)

Skor Min	Keterangan
$1.00 \leq 1.89$	Sangat rendah
$1.90 \leq 2.69$	Rendah
$2.70 \leq 3.49$	Sederhana
$3.50 \leq 4.29$	Tinggi
$4.30 \leq 5.00$	Sangat tinggi

Sebelum kajian sebenar dijalankan, instrumen telah melalui kajian rintis untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaannya. Kesahan bagi sesuatu instrumen adalah penting kerana ia menentukan sama ada instrumen tersebut dapat mengukur apa yang hendak diukur oleh pengkaji (Drost, 2011). Kesahan konvergen dan kesahan diskriminan digunakan untuk menentukan kesahan instrumen kajian ini. Kebolehpercayaan instrumen pula menentukan ketekalan skor setiap item di mana item yang diuji perlu memberikan skor keputusan atau jawapan yang sama atau hampir sama walaupun diuji beberapa kali kepada subjek (Drost, 2011). Kajian ini bergantung kepada nilai Cronbach Alpha dan *composite reliability* untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian ini.

Kesahan konvergen bertujuan untuk mengukur sejauh mana setiap konstruk fit dengan model yang dibina (Hair et al., 2010). Hair et al. (2010) menggariskan bahawa *factor loading*, *composite reliability* (CR) dan *average variance extracted* (AVE) digunakan bagi menguji kesahan konvergen. Bagi kajian yang berbentuk eksploratori, nilai CR mestilah melebihi 0.7 manakala nilai AVE mestilah melebihi 0.5 (Hair et al., 2017). Walau bagaimanapun, nilai AVE > 0.4 masih boleh diterima sekiranya item tersebut mempunyai CR > 0.6 (Fornell & Larcker, 1981).

Jadual 2: Average variance extracted (AVE) dan composite reliability (CR)

Konstruk	AVE	CR
Persepsi terhadap risiko	0.1879	0.7862
Kecenderungan dalam pengambilan risiko	0.3128	0.1637

Nota. n = 317

Jadual 2 menunjukkan bahawa kedua-dua konstruk persepsi terhadap risiko perniagaan dan kecenderungan dalam pengambilan risiko gagal memenuhi keperluan kriteria kesahan konvergen. Nilai CR yang tinggi iaitu 0.7862, namun nilai AVE yang sangat rendah bagi konstruk persepsi terhadap risiko perniagaan iaitu hanya 0.1879 menjelaskan bahawa semua item yang terdapat di dalam instrumen tersebut tidak dapat menerangkan konstruk persepsi terhadap risiko secara keseluruhan. Oleh itu, setiap jenis risiko perniagaan diasingkan menjadi subkonstruk yang berbeza untuk menguji hipotesis kajian. Manakala, bagi konstruk kecenderungan dalam pengambilan risiko, kesemua item bagi konstruk tersebut juga perlu disemak dan dibuang sekiranya tidak menyumbang kepada peningkatan nilai AVE dan CR. Jadual 3 memperincikan *factor loading* sebelum dan selepas analisis dijalankan beserta keterangan bagi setiap item selain menunjukkan nilai AVE dan CR selepas item dibuang atau diterbalikkan skor skalanya.

Jadual 3: Factor loading, average variance extracted (AVE) dan composite reliability (CR)

Konstruk	Item	Loading		Keterangan	AVE	CR
		Sebelum	Selepas			
Persepsi terhadap risiko kewangan (RK)	RK1	0.3358		Item ditolak	0.5620	0.8347
	RK2	0.7027	0.7123			
	RK3	0.5801	0.5872			
	RK4	0.8319	0.8450			
	RK5	0.8177	0.7958			
Persepsi terhadap risiko operasi (RO)	RO1	0.6012		Item ditolak Item ditolak Item ditolak	0.5428	0.8745
	RO2	0.5634				
	RO3	0.3150				
	RO4	0.6341	0.5938			
	RO5	0.5430	0.5982			
	RO6	0.6749	0.7362			
	RO7	0.7100	0.7562			
	RO8	0.8035	0.8742			
	RO9	0.7182	0.8310			
Persepsi terhadap risiko undang-undang (RU)	RU1	0.6797	0.6802	Item ditolak	0.5328	0.8495
	RU2	0.6617	0.6926			
	RU3	0.0292				
	RU4	0.8175	0.7994			
	RU5	0.8129	0.7950			
	RU6	0.7552	0.7527			
Persepsi terhadap risiko strategik (RS)	RS1	0.6344	0.6247		0.5707	0.8681
	RS2	0.8004	0.8000			
	RS3	0.6849	0.6867			
	RS4	0.8148	0.8192			
	RS5	0.8219	0.8225			
Kecenderungan dalam pengambilan risiko (KPR)	KPR1	-0.5918		Item ditolak Skor skala diterbalikkan Item ditolak	0.4225	0.7827
	KPR2	0.4624	0.5568			
	KPR3	0.4760	0.5779			
	KPR4	-0.6284	0.6662			
	KPR5	-0.1395				
	KPR6	0.7863	0.7598			
	KPR7	0.6055	0.6723			

Nota. n = 317

Kesahan diskriminan pula menerangkan sejauh mana setiap konstruk berbeza daripada konstruk yang lain (Hair et al., 2017). Terdapat tiga kaedah untuk mengukur kesahan diskriminan iaitu kriteria Fornell-Lacker, *cross-loading* dan *heterotrait-monotrait ratio of correlation* (HTMT). Kajian ini menggunakan kaedah Fornell-Larcker (1981) yang membandingkan punca kuasa dua AVE dengan pekali korelasi bagi setiap konstruk. Jadual 4 menunjukkan nilai pekali korelasi bagi setiap konstruk lebih rendah daripada punca kuasa dua AVE sekaligus menjelaskan bahawa kajian ini berjaya memenuhi kriteria kesahan diskriminan.

Jadual 4: Pekali korelasi dan punca kuasa dua *average variance extracted* (AVE)

Konstruk	RK	RO	RU	RS	KPR
Persepsi terhadap risiko kewangan (RK)	0.7497				
Persepsi terhadap risiko operasi (RO)	.482**	0.7367			
Persepsi terhadap risiko undang-undang (RU)	.423**	.468**	0.7299		
Persepsi terhadap risiko strategik (RS)	.140*	.142*	.179**	0.7554	
Kecenderungan dalam pengambilan risiko (KPR)	-.014	-.083	-.112*	.245**	0.6500

Nota. n = 317; Nilai yang ditebalkan adalah hasil punca kuasa dua AVE; < 0.01*; < 0.05**

Kebolehpercayaan borang soal selidik kajian ini diukur menggunakan analisis Cronbach Alpha dan *composite reliability* (CR). Jadual 5 menunjukkan interpretasi dapatan statistik Cronbach Alpha (George & Mallery, 2003). Jadual 6 pula menunjukkan bahawa instrumen konstruk kecenderungan dalam pengambilan risiko boleh dipertikaikan (Cronbach Alpha = 0.6656) namun ia masih boleh diterima (*composite reliability* = 0.7827). Manakala, kesemua konstruk yang lain mempunyai nilai pekali Cronbach Alpha dan *composite reliability* melebihi 0.7.

Jadual 5: Interpretasi nilai pekali Cronbach Alpha George & Mallery (2003)

Julat Pekali Cronbach Alpha	Kebolehpercayaan
≤ 0.5	Tidak boleh diterima
≥ 0.5	Teruk
≥ 0.6	Boleh dipertikaikan
≥ 0.7	Boleh diterima
≥ 0.8	Baik
≥ 0.9	Cemerlang

Jadual 6: Cronbach Alpha dan *composite reliability* (CR)

Konstruk	Composite Reliability	Cronbach Alpha
Persepsi terhadap risiko kewangan (RK)	0.8347	0.7462
Persepsi terhadap risiko operasi (RO)	0.8745	0.8419
Persepsi terhadap risiko undang-undang (RU)	0.8495	0.8012
Persepsi terhadap risiko strategik (RS)	0.8681	0.8116
Kecenderungan dalam pengambilan risiko (KPR)	0.7827	0.6656

Dapatan

Analisis kekerapan menunjukkan bahawa 317 responden terdiri daripada 101 orang pelajar lelaki (31.9%) dan 216 orang pelajar perempuan (68.1%). Mengikut latar belakang pendidikan, sebanyak 228 pelajar (71.9%) merupakan pelajar bidang bukan teknikal seperti perdagangan, pelancongan dan hospitaliti. Sementara itu, sejumlah 89 responden adalah pelajar teknikal (28.1%). Seramai 234 responden (73.8%) mempunyai latar belakang perniagaan sama ada melalui keluarga, saudara mara, rakan atau orang lain. Analisis juga menunjukkan bahawa majoriti responden pernah menyertai kursus keusahawanan dalam pengajian iaitu seramai 237 orang (74.8%).

Apakah tahap persepsi terhadap risiko berdasarkan keterlibatan pelajar dalam pendidikan keusahawanan?

Jadual 7 menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan pelajar sama ada pernah atau tidak pernah mengikuti kursus keusahawanan mempunyai persepsi terhadap risiko kewangan, risiko operasi dan risiko undang-undang pada tahap yang sederhana. Namun begitu, tiada perbezaan persepsi terhadap risiko kewangan yang ketara antara pelajar yang pernah mengikuti pendidikan keusahawanan ($M = 3.3703$, $SP = 0.7769$, $N = 237$) dan tidak pernah mengikuti pendidikan keusahawanan ($M = 3.4844$, $SP = 0.7153$, $N = 80$; $t(317) = -1.158$, $p = .248$). Begitu juga dengan persepsi terhadap risiko operasi di mana tiada perbezaan yang ketara antara pelajar yang pernah mengikuti pendidikan keusahawanan ($M = 3.1596$, $SP = 0.7303$, $N = 237$) dan tidak pernah mengikuti pendidikan keusahawanan ($M = 3.2729$, $SP = 0.7436$, $N = 80$; $t(317) = -1.194$, $p = .233$). Analisis konstruk persepsi terhadap risiko undang-undang juga membuktikan tiada perbezaan persepsi yang ketara antara pelajar yang pernah mengikuti pendidikan keusahawanan ($M = 3.3156$, $SP = 0.8097$, $N = 237$) dan tidak pernah mengikuti pendidikan keusahawanan ($M = 3.2300$, $SP = 0.7396$, $N = 80$; $t(317) = 0.835$, $p = .404$).

Bagi konstruk persepsi terhadap risiko strategik, kedua-dua kumpulan pelajar mempunyai persepsi pada tahap yang tinggi. Namun begitu, dapatan menunjukkan bahawa tiada perbezaan persepsi yang ketara antara pelajar yang pernah mengikuti pendidikan keusahawanan ($M = 4.1156$, $SP = 0.6375$, $N = 237$) dan tidak pernah mengikuti pendidikan keusahawanan ($M = 3.9700$, $SP = 0.6261$, $N = 80$; $t(317) = 1.774$, $p = .077$). Dapatan ini bermakna secara umumnya, kedua-dua kumpulan pelajar tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam persepsi terhadap risiko sama ada risiko kewangan, operasi, undang-undang mahu pun strategik. Hanya skor min antara keduanya sahaja menampakkan sedikit perbezaan seperti yang diperincikan dalam jadual 7.

Jadual 7: Persepsi terhadap risiko kewangan, operasi, undang- undang dan strategik berdasarkan keterlibatan pelajar dalam pendidikan keusahawanan

	Keterlibatan dalam Pendidikan Keusahawanan	n	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Persepsi terhadap risiko kewangan (RK)					
RK2 Kebanyakan klien atau pelanggan tidak dapat membayar tepat pada masanya.	Pernah	237	3.29	1.063	Sederhana
	Tidak Pernah	80	3.47	0.886	Sederhana
Usahawan sukar mendapatkan pembiayaan bagi perniagaan.	Pernah	237	3.35	1.041	Sederhana
	Tidak Pernah	80	3.60	0.976	Tinggi
Jumlah pembiayaan yang diterima daripada institusi kewangan tidak mencukupi.	Pernah	237	3.41	0.947	Sederhana
	Tidak Pernah	80	3.41	1.002	Sederhana
Tempoh bayaran semula pembiayaan adalah pendek.	Pernah	237	3.43	1.029	Sederhana
	Tidak Pernah	80	3.45	1.078	Sederhana
Persepsi terhadap risiko operasi (RO)					
RO4 Usahawan mempunyai kekangan untuk memenuhi permintaan produk.	Pernah	237	3.39	0.874	Sederhana
	Tidak Pernah	80	3.48	0.900	Sederhana
RO5 Pengekar tidak mahu memasarkan produk usahawan.	Pernah	237	3.01	0.976	Sederhana
	Tidak Pernah	80	3.21	0.910	Sederhana
RO6 Usahawan mempunyai masalah untuk memasarkan produk.	Pernah	237	3.25	1.078	Sederhana
	Tidak Pernah	80	3.40	1.109	Sederhana
RO7 Hasil jualan yang diperolehi hanya memberikan keuntungan yang rendah.	Pernah	237	3.22	1.011	Sederhana
	Tidak Pernah	80	3.26	1.099	Sederhana
RO8 Usahawan tidak berpuas hati terhadap hasil jualan kepada pengekar.	Pernah	237	3.08	0.870	Sederhana
	Tidak Pernah	80	3.22	0.941	Sederhana
RO9 Usahawan tidak berpuas hati terhadap hasil jualan kepada pelanggan.	Pernah	237	3.01	1.029	Sederhana
	Tidak Pernah	80	3.06	1.048	Sederhana

Persepsi Terhadap Risiko Undang-undang (RU)					
RU1 Usahawan kerap mengalami kesukaran untuk memenuhi keperluan standard Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.	Pernah	237	3.29	0.962	Sederhana
	Tidak Pernah	80	3.21	1.015	Sederhana
RU2 Usahawan selalu mengalami masalah untuk bersaing produk dengan pesaing lain.	Pernah	237	3.81	0.956	Tinggi
	Tidak Pernah	80	3.66	0.980	Tinggi
RU4 Usahawan mengalami kesukaran untuk meletakkan label pensijilan kandungan nutrisi daripada Kementerian Kesihatan.	Pernah	237	3.19	1.120	Sederhana
	Tidak Pernah	80	3.08	1.188	Sederhana
RU5 Usahawan mempunyai masalah untuk memenuhi keperluan kualiti yang dikehendaki oleh pensijilan halal JAKIM.	Pernah	237	3.10	1.159	Sederhana
	Tidak Pernah	80	3.12	1.216	Sederhana
RU6 Usahawan mempunyai masalah untuk membayar caruman KWSP pekerja.	Pernah	237	3.19	1.002	Sederhana
	Tidak Pernah	80	3.07	1.088	Sederhana
Persepsi Terhadap Risiko Strategik (RS)					
RS1 Perubahan dalam kehendak pelanggan akan memberi kesan kepada perniagaan.	Pernah	237	3.99	0.866	Tinggi
	Tidak Pernah	80	3.82	1.003	Tinggi
RS2 Perubahan dalam teknologi akan memberi kesan kepada hasil pengeluaran produk.	Pernah	237	4.14	0.838	Tinggi
	Tidak Pernah	80	4.00	0.928	Tinggi
RS3 Perubahan dalam profil demografi (jantina, umur, bangsa dan pendapatan bulanan) akan memberi kesan kepada perniagaan.	Pernah	237	3.90	0.936	Tinggi
	Tidak Pernah	80	3.59	1.122	Tinggi
RS4 Perubahan dalam situasi ekonomi akan memberi kesan kepada hasil jualan.	Pernah	237	4.29	0.722	Tinggi
	Tidak Pernah	80	4.25	0.849	Tinggi
RS5 Perubahan dalam hasil jualan akan memberi kesan kepada keuntungan.	Pernah	237	4.26	0.724	Tinggi
	Tidak Pernah	80	4.19	0.677	Tinggi

Apakah tahap kecenderungan dalam pengambilan risiko berdasarkan keterlibatan pelajar dalam pendidikan keusahawanan?

Jadual 8 melaporkan bahawa kumpulan pelajar yang terlibat dalam pendidikan keusahawanan mempunyai kecenderungan dalam pengambilan risiko pada tahap yang sederhana manakala kumpulan pelajar tidak pernah terlibat dalam pendidikan keusahawanan mempunyai kecenderungan dalam pengambilan risiko pada tahap yang tinggi. Namun begitu, secara keseluruhan, tiada perbezaan kecenderungan dalam pengambilan risiko yang ketara antara pelajar yang pernah mengikuti pendidikan keusahawanan ($M = 3.7300$, $SP = 0.5799$, $N = 237$) dan tidak pernah mengikuti pendidikan keusahawanan ($M = 3.6575$, $SP = 0.6699$, $N = 80$; $t(317) = 0.928$, $p = .354$).

Jadual 8: Kecenderungan dalam pengambilan risiko berdasarkan keterlibatan pelajar dalam pendidikan keusahawanan

	Keterlibatan dalam Pendidikan Keusahawanan	n	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kecenderungan dalam Pengambilan Risiko					
KPR2 Saya tidak mengambil risiko dalam perniagaan saya.	Pernah	237	3.72	0.970	Tinggi
	Tidak Pernah	80	3.73	0.981	Tinggi
KPR3 Saya lebih suka mengelak daripada mengambil risiko dalam perniagaan saya.	Pernah	237	3.43	1.153	Sederhana
	Tidak Pernah	80	3.44	1.200	Sederhana
KPR4 Saya kerap mengambil risiko dalam perniagaan.	Pernah	237	3.60	0.908	Tinggi
	Tidak Pernah	80	3.46	0.913	Sederhana
KPR6 Saya selalunya melihat risiko dalam perniagaan sebagai satu cabaran.	Pernah	237	4.19	0.738	Tinggi
	Tidak Pernah	80	4.06	0.735	Tinggi
KPR 7 Saya melihat diri saya adalah seorang... pengelak risiko / pengambil risiko	Pernah	237	3.71	0.782	Tinggi
	Tidak Pernah	80	3.60	0.894	Tinggi

Rumusannya, dapatan kajian ini selaras dengan kenyataan Mazura (2014) dan Norfadhilah & Norasmah (2012) apabila mereka menegaskan bahawa apabila seseorang telah mempelajari sesuatu perkara khususnya dalam bidang keusahawanan, mereka tidak akan bertindak tanpa berfikir terlebih dahulu. Sebagai contoh dari segi pengambilan risiko, pelajar-pelajar ini tidak akan mengambil risiko tanpa membuat pengiraan. Berbeza dengan mereka yang tidak pernah terlibat dalam pendidikan keusahawanan, apabila setiap tindakan diambil mengikut gerak hati ataupun keperluan semasa tanpa mengira risiko yang bakal dihadapi.

Perbincangan dan Kesimpulan

Amnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tiada perbezaan tahap persepsi risiko yang signifikan antara pelajar yang pernah dan tidak pernah mengikuti kursus keusahawanan secara umumnya sama ada persepsi terhadap risiko kewangan, risiko operasi, risiko undang-undang mahu pun risiko strategik. Namun, apabila dilihat secara terperinci, didapati bahawa pelajar yang tidak pernah didedahkan dengan pendidikan keusahawanan mempunyai persepsi terhadap risiko kewangan yang kurang baik di mana mereka menyangka bahawa usahawan sukar untuk mendapatkan pembiayaan bagi perniagaan. Isu ini dibangkitkan dalam kajian Eva & Martin (2015) di mana usahawan sukar mendapat pinjaman daripada institusi kewangan kerana persepsi terhadap kemampuan PKS untuk membayar semula pinjaman tersebut. Walhal, kajian yang dijalankan oleh Norashikin et al. (2016) menunjukkan bahawa masalah ini bukanlah risiko besar yang dihadapi oleh usahawan PKS di Malaysia. Tambahan pula, pelbagai insentif dan usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dalam bidang keusahawanan. Antaranya menggalakkan pertumbuhan PKS dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM75 juta pada tahun 2017 (Berita Harian, 2016) dan meningkat menjadi sejumlah RM22.2 bilion pada tahun 2018 (Utusan, 2017). Pelan Tindakan Keusahawanan 2016-2020 turut menggariskan bahawa isu peraturan dalaman untuk memberi pinjaman modal kepada perniagaan pelajar perlu diteliti dan dinilai semula.

Dari aspek persepsi terhadap risiko undang-undang, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar yang pernah menyertai pendidikan keusahawanan bersetuju bahawa usahawan

seringkali mengalami kesukaran untuk bersaing produk dengan pesaing lain dalam pasaran. Hal ini tidak dinafikan oleh usahawan PKS (Norashikin et al., 2016; Robert & Raghavan, 2005). Walaupun pelajar yang tidak pernah mendapat pendedahan keusahawanan turut mempunyai persepsi yang sama namun, pelajar yang pernah menyertai pendidikan keusahawanan lebih menyedari bahawa masalah ini merupakan risiko antara risiko terbesar yang perlu dihadapi oleh usahawan.

Melihat aspek persepsi terhadap risiko strategik, dapatan kajian mendapati bahawa pelajar yang pernah mengikuti pendidikan keusahawanan mempunyai persepsi yang lebih tinggi mengenai risiko strategik di mana perubahan dalam kehendak pelanggan, teknologi, profil demografi dan ekonomi boleh membawa kesan terhadap hasil pengeluaran dan hasil jualan dalam perniagaan selain bersetuju bahawa perubahan dalam hasil jualan akan memberi kesan kepada keuntungan yang diperoleh oleh usahawan. Hal ini kerana mereka turut berpengalaman melalui masalah sedemikian apabila terpaksa bersaing dengan rakan-rakan mereka demi memperoleh hasil jualan yang telah ditetapkan.

Seterusnya dapatan kajian berkaitan pengambilan risiko dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam pendidikan keusahawanan menunjukkan tahap kecenderungan mereka berada di tahap sederhana sementara pelajar yang tidak pernah terlibat dalam pendidikan mempunyai kecenderungan dalam pengambilan risiko yang tinggi. Namun begitu, perbezaan tahap ini adalah tidak signifikan dan ketara. Kajian ini selari dengan kajian Fauzilah & Mohamed Dahlan (2011) apabila mereka mendapati bahawa kursus keusahawanan tidak memberi sebarang impak terhadap kecenderungan dalam pengambilan risiko dalam kalangan peserta. Hal ini menjelaskan bahawa walaupun kajian ini menggunakan konteks pendidikan keusahawanan di Politeknik yang sering dikemaskini dan didasari pelbagai langkah-langkah kerajaan, namun, ia belum cukup untuk memberikan kesan/perbezaan dalam kalangan pelajar mereka.

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa persepsi antara pelajar yang terlibat atau tidak terlibat dalam pendidikan keusahawanan di Politeknik tidak berbeza. Ini terbukti apabila mereka mempunyai persepsi yang sama terhadap risiko. Sementelah bagi kecenderungan pengambilan risiko pula didapati mereka yang tidak terlibat dalam pendidikan keusahawanan mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi dalam pengambilan risiko. Implikasi dari kajian ini menunjukkan bahawa pendidikan keusahawanan yang ditawarkan di Politeknik perlu diteliti semula bagi memastikannya ia berupaya mencapai objektif yang dihasratkan oleh JPP.

Kajian ini tertakluk kepada limitasi di mana kajian ini tidak membuat stratifikasi latar belakang responden. Oleh itu, penyelidikan masa hadapan perlu mempertimbangkan aspek-aspek ini dan mempertimbangkan profil usahawan seperti umur, jantina, pengalaman keusahawanan, dan latar belakang keluarga serta latar belakang pendidikan sebagai pembolehubah kawalan.

Rujukan

- Ahzilah Wahid, Norashidah Hashim & Amlus Ibrahim. (2017). Hubungan Persekitaran Universiti Terhadap Niat Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Keusahawanan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1, 136-149.
- Bell, J., Callaghan, I., Demick, D., & Scharf, F. (2004). Internationalising Entrepreneurship Education. *Journal of International Entrepreneurship*, 2, 109-124.
- Berita Harian. (2016). Bajet 2017: Kerajaan Peruntuk RM75 Juta Pacu Pembangunan PKS. <https://www.bharian.com.my/node/204531>. [22 Februari 2018].
- Densberger, K. (2014). The Self-Efficacy and Risk-Propensity of Entrepreneurs. *Journal of Enterprising Culture*, 22(4), 437-462.
- Drost, E. (2011). Validity and Reliability in Social Science Research. *Education Research and Perspectives*, 38, 105-124.
- Eva, M. F. & Martin, R.W. H. (2015). Risk Management in SMEs: A Systematic Review of Available Evidence. *The Journal of Risk Finance*, 16 (2), 122 - 144.
- Fauzilah Salleh & Mohamed Dahlan. (2011). Demographic Characteristics Differences of Risk Taking Propensity among Micro and Small Business Owners in Malaysia. *International Journal of Business and Social Science*, 2(9), 149-153.
- Ficham, J. E. (2008). Response Rates and Responsiveness for Surveys, Standards, and the Journal. *American Journal for Pharmaceutical Education*, 72(2), 43.
- Fornell, C. G., & Larcker, D. F. (1981). Evaluating Structural Equation Models with Unobservable Variables and Measurement Error. *Journal of Marketing Research*, 18(1), 39-50.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis*. 7th ed. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2017). *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)*. 2nd Edition. Thousand Oakes, CA: Sage.
- George, G., & Mallery, P. (2003). *SPSS for Windows Step by Step: A Simple Guide and Reference*, 11.0 Update. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Irwan Ismail, Najihah Abdul Rahim, Malina Hanum Mohd Kamal, Rosfatihah Che Mat & Norhusniyati Husin. (2015). Investigating the Needs for Achievement, Risk Taking and Tolerance for Ambiguity toward Entrepreneurial Passion among Single Mother Entrepreneur in Malaysia. *International Accounting and Business Conference 2015. Procedia Economics and Finance*, 31, 110- 116.
- Iskandarini. (2013). The Impact of Entrepreneurial Barrier toward Entrepreneurial Intention for Decreasing Unemployment through Community Empowerment. *The 5th Indonesia International Conference on Innovation, Entrepreneurship, and Small Business (IICIES 2013). Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 115, 166-174.
- Jenny Lukito Setiawan. (2013). Examining Entrepreneurial Self-efficacy among Students. *The 5th Indonesia International Conference on Innovation, Entrepreneurship, and Small Business (IICIES 2013)*, 115, 235-242.
- Kessler, A., Korunka, C., Frank, H. & Lueger, M. (2012). Predicting Founding Success and New Venture Survival: A Longitudinal Nascent Entrepreneurship Approach. *Journal of Enterprising Culture*, 20(1), 25-55.

- KPT. (2015). Bilangan Kemasukan, Enrolmen dan Keluaran Sepenuh Masa Mengikut Peringkat Pengajian Berdasarkan Politeknik. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Mazura Mansor. (2014). Keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Konsultasi dalam Pemupukan Budaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Politeknik.
- Meertens, R. M., & Lion R. (2008). Measuring an Individual's Tendency to Take Risks: The Risk Propensity Scale. *Journal of Applied Social Psychology*, 38(6), 1506-1520.
- Mohd Zaini Zainudin. (2015). Kecenderungan Ke Arah Meningkatkan Budaya Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Politeknik Banting, Selangor. *Konvensyen Keusahawanan Politeknik Malaysia*. Kota Bharu.
- Norashikin Ismail, Akmal Aini Othman, Nur Liyana Mohamed Yousop & Zuraidah Ahmad. (2016). Empirical Evidence on the SMEs Risks Framework in Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 3(1): 52-62.
- Norfadhilah Nasruddin & Norasmah Othman. (2012). Evaluation of Polytechnic Entrepreneurship Programs in Malaysia. *International Journal of Trade, Economics and Finance*, 3 (5), 356-362.
- Norliza Ab Halim. (2015). Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi: Senario Keusahawanan Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (2013-2014). *Konvensyen Keusahawanan Politeknik Malaysia*. Kota Bharu.
- Nurul Shahnaz Ahmad Mahdzan & Audrey Boey Oi Lin. (2015). *Risk Management and Insurance*. Oxford: Revision Series, 3-16.
- Robert, W. D. & Raghavan, S. (2005). A Combinatorial Procurement Auction Featuring Bundle Price Revelation without Freeriding. *Decision Support Systems*, 44(3), 621-640.
- Sangeeta, B. B. (2014). 10 Talents That Drive Entrepreneurial Success. *Entrepreneurial StrengthsFinder. Gallup Business Journal*, 132-143.
- Sodri Ariffin & Ahmad Shafee Sabaruddin. (2006). *Panduan Asas Keusahawanan dan Pengurusan Perniagaan*. Pusat Penerbitan Universiti Teknologi Mara (UiTM). Shah Alam, Selangor: 14.
- Thong Pui Yee & Mohd Mahzan Awang. (2014). Sikap dan Pemikiran Keusahawanan dalam Kalangan Mahasiswa/i Malaysia dan Guang Zhou. *Seminar Antarabangsa Pendidikan Global II*.
- Utusan. 2017. Rebut Dana RM22.2 Bilion Untuk PKS. <https://www.utusan.com.my/bisnes/rebut-dana-rm22-2-bilion-untuk-pks-1.578204>. [22 Februari 2018].
- Yurtkoru, E. S., Acar, P., & Teraman, B. S. (2014). Willingness to Take Risk and Entrepreneurial Intention of University Students: An Empirical Study Comparing Private and State Universities. 10th International Strategic Management Conference. *Procedia - Social and Behavioral Science*, 150, 834- 840.
- Zhao, H., Seibert, S. E., & Hills, G. E. (2005). The Mediating Role of Self-Efficacy in the Development of Entrepreneurial Intentions. *Journal of Applied Psychology*, 90(6), 1265-1272.